



## **KENYATAAN MEDIA**

**YB. DATUK DR. EWON EBIN  
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI MALAYSIA  
MERANGKAP  
AHLI PARLIMEN P.179 RANAU  
MENGENAI**

---

### **GEMPA BUMI SEDERHANA DI RANAU**

**5 JUN 2015 : 7.15 PAGI**

---

Pertamanya saya ingin menzahirkan rasa simpati kepada mangsa gempa bumi yang berlaku di Sabah khususnya di kawasan Ranau yang merupakan pusat gempa yang berlaku pagi tadi. Saya dimaklumkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia bahawa gempa bumi sederhana dengan magnitude 5.9 pada skala Richter itu merupakan gempa bumi terkuat yang pernah direkodkan di Sabah.

Sehubungan itu, saya menyeru seluruh rakyat Sabah khususnya di Ranau dan kawasan sekitarnya yang terjejas, agar mengambil langkah berjaga-jaga dan bertindak secepat mungkin sekiranya berlaku gegaran susulan bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini.

Sehingga jam 2 petang tadi, Jabatan Meteorologi melaporkan bahawa 15 gempa susulan yang lemah telah dirasai oleh penduduk di kawasan terbabit. Gempa susulan ini berkemungkinan akan terus berlaku sehingga stuktur tanah di kawasan terbabit menjadi stabil.

Pusat gempa bumi dilaporkan terjadi di  $61.1^{\circ}$  Utara dan  $116.6^{\circ}$  Timur iaitu 16km Barat Laut dari bandar Ranau, Sabah (rujuk peta lokasi pusat gempa). Sehingga kini beberapa bangunan dan jalan raya di Ranau telah dilaporkan mengalami keretakan. Gegeran turut dirasai di Ranau, Tambunan, Pedalaman, Tuaran, Kota Kinabalu dan Kota Belud, Sabah.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menasihatkan orang ramai agar merujuk laman web Jabatan Meteorologi Malaysia di [www.met.gov.my](http://www.met.gov.my) atau di talian hotline 1 300 22 1MET(1638). Jabatan Meteorologi Sabah juga telah membuka Pusat Maklumat Gempa yang beroperasi 24 jam dan orang ramai boleh mendapatkan maklumat dengan menghubungi talian 088-413 690 @ 088-413 691. Selain itu, MetMalaysia turut menyalurkan info semasa mengenai tragedi ini melalui akaun rasmi twitter mereka iaitu @malaysianmet.


Untuk makluman semua, Jabatan Meteorologi Malaysia telah dan akan melaksanakan Kempen Kesedaran Awam Mengenai Bencana Gempa Bumi, Tsunami dan Cuaca Ekstrem di seluruh Malaysia termasuk di Putatan Sabah yang dijadualkan pada bulan Ogos dan Kuala Penyu pada bulan Oktober nanti.

Akhir kata, orang ramai dinasihatkan untuk tidak mempercayai khabar angin yang disebarkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab menerusi laman sosial dan elakan diri daripada turut sama menyebarkan maklumat palsu. Sekali lagi, saya menyeru agar penduduk Sabah khususnya kawasan Ranau dan kawasan-kawasan yang terjejas agar sentiasa berhati-hati dan menurut nasihat pihak berkuasa.


**YB DATUK DR. EWON EBIN**

**5 Jun 2015**

## Pusat Gempa Bumi Ranau, Sabah



## Peta Seismotektonik Sabah



# Imej Pusat Gempa di Ranau, Sabah

